



GRAND SAGA

(CONCESSION COMPANY FOR CHERAS-KAJANG HIGHWAY)

KENYATAAN AKHBAR

Untuk siaran segera

28hb Oktober 2011

**KERJA-KERJA PEMASANGAN DUA PAPANTANDA ELEKTRONIK DI
LEBUHRAYA CHERAS-KAJANG**

KUALA LUMPUR : Grand Saga Sdn Bhd, syarikat konsesi Lebuhraya Cheras-Kajang akan menjalankan kerja-kerja pemasangan dua (2) papantanda elektronik (VMS) mulai hari ini sehingga 5hb November 2011 di lokasi Km 13.3 (arah Kajang) di antara persimpangan Hulu Langat sehingga persimpangan Telekom dan Km 14.7 (arah Kuala Lumpur) di antara persimpangan Bandar Tun Hussien Onn sehingga persimpangan Telekom.

Bagi melancarkan kerja-kerja pemasangan VMS ini, laluan akan ditutup sepenuhnya selama 10 minit secara berperingkat bagi lokasi-lokasi yang berikut:

1. Km 13.3 (Arah Kajang)

Tarikh : 3 November 2011

Masa : 1.30 pagi hingga 1.40 pagi dan 2.30 pagi hingga 2.40 pagi

2. Km 14.7 (Arah Kuala Lumpur)

Tarikh : 4 November 2011

Masa : 1.30 pagi hingga 1.40 pagi dan 2.30 pagi hingga 2.40 pagi

Namun begitu, penjadualan ini akan tertakluk kepada keadaan trafik semasa di lokasi.

VMS ini kelak akan dapat memberikan maklumat pada masa sebenar kepada para pengguna lebuhraya berkenaan keadaan trafik, sebarang halangan di laluan yang bakal ditemphi serta cadangan laluan yang lain bagi memaksimumkan aliran trafik.

Pihak Grand Saga Sdn Bhd memohon maaf atas segala kesulitan yang timbul ekoran kerja-kerja penambahbaikan di lokasi terbabit. Para pengguna lebuhraya dinasihatkan agar mematuhi segala papan tanda keselamatan yang disediakan. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Sagaline di talian 03-90750505.

TAMAT



GRAND SAGA

(CONCESSION COMPANY FOR CHERAS-KAJANG HIGHWAY)

Dikeluarkan oleh : Grand Saga Sdn Bhd
(Syarikat Konsesi Lebuhraya Cheras-Kajang)
Km 16, Lebuhraya Cheras-Kajang
43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan.

Pegawai untuk dihubungi : Mustapha Kamal Kamaruddin

No. Telefon : 03-9086 5525

No. Faksimili : 03-9086 5544

Speed • Convenience • Safety